

**ETNOSENTRISME MELAYU DALAM SULATUS SALATIN
(MALAY ETHNOCENTRISM IN SULALATUS SALATIN)**

ZUBIR IDRIS

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tentang etnosentrisme dalam teks historiografi Melayu tradisional, *Sulatus Salatin*. Etnosentrisme di sini merujuk kepada riak-riak penentangan awal masyarakat peribumi terhadap penjajah sebelum zaman kolonial. Melalui cara pengolahan pengarang, pembentukan konsep etnosentrisme Melayu cuba dikesan dalam karya mereka. Sebagai kerangka konseptual, kajian memanfaatkan idea William Graham Sumner yang mendefinisikan etnosentrisme sebagai kecenderungan melihat serta menilai kebudayaan sendiri lebih tinggi daripada kebudayaan orang lain. Untuk merungkai teks, kajian memanfaatkan analisis intrinsik. Hal ini bermaksud, kajian meneliti aspek tema dan persoalannya, kekuatan kebahasaan seperti penggunaan metafora, perbandingan, perlambangan serta pemilihan diksi, dan bagaimana perkara-perkara tersebut diaplikasikan oleh pengarang silam bagi menggambarkan etnosentrisme etnik Melayu khususnya di Melaka. Selain itu, juga dilihat tujuan teks dikarang, seperti yang tersulam dalam *Sulatus Salatin*. Berdasarkan aspek penulisan, hasil kajian mendapati pengarang teks telah memanfaatkan metafora, hiperbola, perbandingan serta perlambangan yang tertentu untuk mengangkat dan meletakkan etnik Melayu secara umumnya, dan masyarakat Melayu Melaka khususnya pada kedudukan yang tinggi dan mengatasi etnik seteru. Kecenderungan menilai etnik sendiri lebih hebat daripada etnik lain, jelas merupakan strategi dalam menyerlahkan etnosentrisme Melayu dalam teks yang dikaji.

Kata Kunci: etnosentrisme, intrinsik, metafora, hiperbola dan bandingan

ABSTRACT

This study discusses about ethnocentrism in a text of a traditional Malay historiography, *Sulatus Salatin*. Ethnocentrism here refers to the ripples of early resistances by the Malays against the British colonization before the colonial era. The construction of the concept of Malay ethnocentrism is analyzed by understanding how the author dealt and created his work. This study employs William Graham Sumner's conceptual framework in understanding the phenomena of ethnocentrism ; Sumner defines ethnocentrism as "one's own group is the center of everything," against which all other groups are judged. This study further examines the text intrinsically by analyzing in detail the theme, the use of linguistics features such as metaphor, comparative devices, symbolisms, and how these elements are applied by other past authors to reflect the Malays' ethnocentrism in Malacca. Besides that, the study also attempts to find out the main implicit reason of writing this text which is intertwined in the text. Finally, the findings of this study conclude that the author of *Sulatus Salatin* has utilized well and effectively the aspects of metaphor, hyperbole, comparative devices, and certain symbolisms to elevate the Malays' supremacy over their ethnic adversary. The tendency to judge their own ethnic greater than other ethnic groups, is clearly the main strategy used by the author to display Malays' ethnocentrism in the text being studied.

Keywords: ethnocentrism, intrinsic, metaphor, hyperbole and comparative

Pengenalan

Persoalan ketamadunan, martabat serta liku-liku perjalanan sejarah sesebuah kerajaan Melayu di Nusantara banyak sekali diabadikan dalam karya historiografi Melayu. Karya-karya tersebut juga kaya dengan rakaman tentang sikap semangat cintakan tanah air dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal ini ketara dilihat menerusi catatan dan gambaran yang mengisahkan tentang etnik peribumi Melayu yang berjuang menentang musuh (pihak penjajah) bagi mempertahankan tanah air mereka. Pengalaman berabad-abad lamanya ditakluk dan dikuasai penjajah menyediakan satu ruang dan kesempatan kepada pengarang-pengarang silam untuk membangkitkan kesedaran dan ingatan kepada generasi mendatang tentang sejarah perjuangan leluhur mereka. Penentangan tersebut jelas didukung sama ada oleh sikap semangat mencintai tanah air ataupun semangat bangga terhadap kesukuan masing-masing.

Era kedatangan kolonial Barat di Alam Melayu bermula dengan kedatangan Portugis (seperti yang diperihalkan dalam *Sulalatus Salatin*), diikuti Belanda, Sepanyol dan Inggeris. Pertembungan pelbagai kuasa ini sesungguhnya mencetuskan konflik yang berpanjangan antara pihak penjajah dengan masyarakat peribumi. Peperangan dilihat sebagai jalan akhir, kemuncak respons masyarakat peribumi terhadap pengaruh asing ini, yang akhirnya membawa implikasi yang besar kepada kedua-dua pihak.

Selain daripada karya-karya pensejarahan Melayu tradisional, semangat penentangan masyarakat peribumi terhadap pihak Portugis, yakni kuasa Barat yang dikatakan paling awal sekali tiba di rantau Nusantara turut dirakamkan cerita-cerita lisan di wilayah-wilayah yang berkaitan. Antara cerita lisan yang dimaksudkan ialah *Hikayat Anggun Cik Tunggal*, *Hikayat Malim Dewa* dan *Cerita Bongsu Pinang Peribut*.

Menurut Hamka, cerita-cerita lisan seperti “Anggun Cik Tunggal” (di Minangkabau dikenali sebagai “Nan Tonggal Megat Djebang”), jelas dikarang untuk menunjukkan kekejaman orang Barat (Portugis). Dengan menggunakan susun kata yang penuh kiasan dan sindiran, cerita ini disebarkan dari mulut ke mulut, tentang bagaimana buruk dan jahatnya bangsa yang menjajah negeri Melayu. Melalui cerita-cerita seperti “Anggun Cik Tunggal,” segala kekejaman orang Barat (Portugis) dapat diperlihatkan. Menurutny lagi:

Demikianlah, apabila bangsa kita telah berasa lemah, tak dapat melawan lagi, mereka perbuat ceritera. Di dalam ceritera itu diisikanlah sindiran dan rasa benci kepada musuh, dihinakan dan ditunjukkan kejahatannya, sehingga anak cucu mengerti, dan pada suatu masa kelak, ‘malu yang tercoreng di kening’ itu akan dapat dihapuskan juga dengan kedatangan ‘Nan Tonggal.’

(Hamka, 1963 : 106-108)

Dalam hal ini, pengarang cerita-cerita lisan yang mewakili masyarakatnya dikesan cuba mengembalikan wibawa pada masyarakat yang diwakilinya, iaitu sebagai reaksi dan protes halus kepada pihak penjajah atau kuasa asing. Reaksi penentangan secara halus inilah yang banyak sekali dilihat terakam dalam syair-syair sejarah yang muncul kemudiannya. Riak-riak awal penentangan oleh sesuatu etnik terhadap ancaman kuasa asing yang diajukan secara halus tersebut dapatlah dikatakan sebagai asas kepada pembentukan konsep “etnosentrisme.”

Konsep dan Takrifan Etnosentrisme

Untuk merungkai persoalan yang berhubung dengan etnosentrisme dalam peribumi Melayu, seperti yang terakam dalam teks kajian

(*Sulalatus Salatin*), tulisan oleh William Graham Sumner dalam bukunya *Folkways* (1911) dimanfaatkan sebagai premis kajian bagi memperkatakan konsep etnosentrisme. Hal ini penting kerana beliau merupakan antara tokoh pemula yang membicarakan etnosentrisme daripada sudut pandangan disiplin sosiologi. Menurut Sumner (1911 : 13):

Ethnocentrism is the technical name for this view of things in which one's own group is the center of everything, and all others are scaled and rated with reference to it. Folkways correspond to it to cover both the inner and the outer relation. Each group nourishes its own pride and vanity, boasts itself superior, exalts its own divinities, and looks with contempt on outsiders. Each group thinks its own folkways the only right ones, and if it observes that other groups have other folkways, these excite its scorn.

Berdasarkan definisi oleh Sumner tersebut, etnosentrisme merujuk pada pendirian sesuatu kelompok bahawa pandangan atau penilaiannya adalah tunjang segala-galanya dan menjadi titik rujukan kepada persepsi dan idea-idea orang lain. Etnosentrisme menggariskan kebudayaan sendiri adalah lebih tinggi daripada kebudayaan orang lain. Seterusnya, kebudayaan asing tersebut dinilai melalui kacamata kebudayaan sendiri dan setiap aspek yang tidak sama atau berbeza daripada budaya sendiri akan dianggap sebagai suatu kelemahan.

Takrif etnosentrisme yang digagaskan oleh Sumner itu, iaitu kecenderungan fahaman dan pegangan sesuatu etnik terhadap kelebihan yang dimiliki oleh suku kaumnya, disokong oleh tulisan-tulisan kemudiannya. Anthony D. Smith (dalam R. Suntharalingam & Abdul Rahman Ismail, 1985 :10) memberi penafsiran yang hampir sama apabila memperkatakan fahaman etnosentrisme yang dianuti oleh sesuatu etnik. Menurutnya:

Bagi orang yang menganuti fahaman etnosentrisme, kedua-dua kuasa dan nilai adalah didapati dalam kumpulan budayanya yang dianggap sebagai bahtera untuk kebijaksanaan, keindahan, kesucian, kebudayaan dan oleh itu, menuntut kuasa bagi golongannya sendiri dan menganggap negaranya sebagai pusat dunia, dan satu-satunya yang mustahak – manakala di sekelilingnya berada bangsa-bangsa dunia, yang kafir dan kasar.

R. Suntharalingam (1985 : 10) pula menegaskan bahawa etnosentrisme merupakan satu dorongan perjuangan yang berupaya memupuk semangat cinta akan tanah air, menggalakkan perpaduan rakyat berdasarkan ikatan keturunan dan kebudayaan, dan menyemai semangat menentang pencerobohan kuasa asing. Hal ini menurutnya dapat dibuktikan dengan sejarah awal orang Parsi, Yunani, China, Vietnam dan India.

Berdasarkan beberapa takrifan berkenaan, secara umumnya dapatlah dikatakan bahawa unsur etnosentrisme rata-rata wujud dalam setiap etnik di dunia ini. Hal ini terserlah pada kecenderungan untuk meletakkan etnik masing-masing sentiasa melebihi dan mengatasi etnik lainnya (atas pandangan kekelompokan yang menjadi pusat kepada segala-galanya). Rasa cinta atau “bangga suku kaum” yang terbina atas sifat kecenderungan ini menjelaskan pula tentang masyarakat yang didirikan atas entiti kebudayaan yang sama mendapat “kekuatan dalaman” bagi mempertahankan tanah air atau warisan leluhur mereka daripada ancaman luar.

Metodologi Kajian

Teks *Sulalatus Salatin* diteliti secara intrinsik bagi mengesan serta meneliti unsur-unsur yang dapat mengangkat ‘etnosentrisme’ yang terdapat di dalamnya. Usaha untuk mengesani unsur etnosentrisme

ini dilihat melalui aspek bahasa, yang menjadi wahana kepada pengarang silam bagi menzahirkan segala perasaan dan emosi mereka berhubung dengan peristiwa peperangan seperti yang terakam dalam teks kajian. Sehubungan itu, kajian ini turut merungkai kehadiran unsur etnosentrisme menerusi analisis aspek bahasa (berdasarkan penggunaan metafora, perlambangan, retorik serta pemilihan diksi), yang dijangka dapat menggambarkan sifat dan bentuk etnosentrisme dalam peribumi Melayu, khususnya peribumi Melayu di Melaka.

Dengan menjadikan konsep etnosentrisme sebagai kerangka konseptual kajian, analisis terarah melihat bentuk-bentuk etnosentrisme yang diterapkan dalam teks, dan cara konsep tersebut diaplikasikan oleh pengarang silam Melayu bagi menggambarkan etnosentrisme peribumi Melayu Melaka, seperti yang telah diterangkan dalam perbincangan sebelumnya.

Etnosentrisme Dalam Sulalatus Salatin

Seperti yang telah dikatakan, riak-riak penentangan masyarakat peribumi terhadap penjajah telah wujud sejak awal lagi, seperti yang terakam dalam karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional. Dalam *Sulalatus Salatin*, pengarangnya dengan cara yang amat kreatif telah mengemblem teknik penceritaan yang sebaik mungkin untuk mewajarkan mengapa orang Barat ini tidak seharusnya mendapat tempat yang mulia menurut kacamata anak watan. Pengarang dilihat berusaha mengembalikan imej orang Melayu sebagai bangsa yang berani, gagah dan tidak gentar untuk berhadapan dengan pihak musuh. Bangsa Melayu, yakni sebagai bangsa yang dijajah, malah berjaya menewaskan angkatan Portugis, sekaligus menghantar mereka pulang ke tempat mereka berpengkalan, yakni di Goa, India. Gambaran ini dinukilkan pengarang lewat peristiwa pertemuan kali kedua di antara orang Melaka dengan Portugis. Hal ini berlaku apabila tentera laut Portugis diarahkan oleh Alfonso d'Albuquerque yang bertapak di Goa

(India) untuk menyerang Melaka. Dalam serangan itu, orang Melaka dapat menewaskan orang Portugis tersebut. Kehebatan orang Melaka tersebut diperlihatkan oleh pengarang dalam petikan berikut:

Setelah keesokan harinya, maka segala anak Portugal pun naiklah dengan senapangnya, dua ribu banyaknya, lain pula orang hitam dan lasykarnya, tiada terbilang lagi. Maka dikeluاري oleh orang Melaka, Tun Hassan Temenggung panglimanya. Maka bertemulah segala orang Melaka dengan segala Peringgi lalu berperang, terlalu sabur, rupa senjata seperti hujan yang lebat; lalu ditempuh Tun Hassan Temenggung beserta hulubalang Melaka, maka segala Peringgi pun patah perangnya, dan banyak matinya, lalu undur. Maka oleh orang Melaka digulungnya sekali-sekali, maka Peringgi pun pecahlah, berhamburan terjun ke air, diperhambat oleh orang Melaka. Maka segala Peringgi pun naiklah ke kapalnya, lalu berlayar kembali ke Goa.

(A.Samad Ahmad (pngr.), 1996 : 245)

Berdasarkan petikan di atas, dapat dilihat betapa hebat dan beraninya rakyat Melaka berjuang menghadapi pihak musuh. Meskipun orang Peringgi turun lengkap dengan senjata yang lebih canggih (senapang) berbanding orang Melaka yang hanya bersenjatakan peralatan senjata tradisional, namun ia sama-sekali tidak menghalang orang Melaka ‘menghambat’ tentera Peringgi, sehingga *“pecahlah tentera Peringgi berhamburan terjun ke air.”* Kehebatan orang Melaka yang dapat mematahkan serangan orang Peringgi ini sesungguhnya merupakan cara pengarang mengangkat etnosentrisme yang dimiliki oleh masyarakat Melayu Melaka bagi mempertahankan tanah air mereka dari ditawan pihak musuh.

Peristiwa kekalahan tersebut telah menimbulkan kemarahan yang amat sangat kepada wizurai Portugis di Goa, Alfonso d'Albuquerque; lantas dikerahkan satu lagi angkatan perang ke Melaka. Namun, hasratnya itu terbantut apabila Kapitan Mor, yang mengetuai angkatan perang sebelum ini mengatakan segala usaha mereka itu sia-sia sahaja selagi Melaka mempunyai pemimpin yang hebat dan berwibawa. Hal ini dicatatkan dalam petikan berikut:

Maka kata Kapitan Mor, "Pada bicara kita, jikalau lagi ada Bendahara Seri Maharaja, beberapa pun besarnya anggota Goa mau menyerang, Melaka tiada akan alah."

(A.Samad Ahmad (pngr.), 1996 : 245)

Berdasarkan frasa "*Jikalau lagi ada Bendahara Seri Maharaja ... Melaka tiada akan alah*" dalam petikan tersebut, pengarang dalam hal ini dilihat telah berjaya "menjulung" kehebatan pemimpin Melaka ketika itu, sehinggakan kewibawaannya (Bendahara Seri Maharaja) diiktiraf oleh pihak seteru. Pengolahan cerita sebegini dilihat sebagai satu strategi pengarang bagi menggambarkan tingginya semangat etnosentrisme yang dimilikinya, yang secara tidak langsung menggambarkan juga pemilikan rasa etnosentrisme masyarakat yang diwakilinya.

Terdahulu daripada itu, sebelum berlakunya episod peperangan tersebut, pengarang telah memperihalkan tentang sambutan orang-orang Melaka terhadap orang-orang Peringgi (Portugis) sebaiknya mereka tiba di Melaka. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

Hatta maka datang sebuah kapal Peringgi dari Goa, ia berniaga di Melaka, maka dilihat oleh Peringgi itu, negeri Melaka terlalu baik, bandarnya terlalu ramai. Maka segala orang Melaka pun berkampunglah melihat

rupa Peringgi itu, sekaliannya hairan melihat dia. Maka kata orang Melaka ia ini Benggali putih; maka pada seorang orang Peringgi itu, berpuluh-puluh orang Melaka mengerumun dia, ada yang memutar janggutnya ada yang menepuk kepalanya, ada yang ambil cepiaunya, ada yang memegang tangannya. Maka Kapitan kapal itu pun naiklah menghadap Bendahara Seri Maharaja, maka oleh bendahara akan Kapitan kapal itu diangkatnya anak dan dipersalin. Maka Kapitan itu persembah pada Bendahara Seri Maharaja, rantai emas berpermata; ia sendiri mengenakan dia pada leher Bendahara Seri Maharaja. Maka segala orang hendak gusar akan Peringgi itu, tiada diberi oleh Bendahara Seri Maharaja, katanya, “Jangan kamu turuti, kerana ia orang yang tiada tahu bahasa.”

(A.Samad Ahmad (pngr.), 1996 : 244-245)

Dalam petikan di atas, pengarang merakamkan hal-ehwal orang-orang Peringgi yang dilihat dengan pandangan aneh sekali oleh penduduk tempatan di Melaka sehinggakan “...*berpuluh-puluh orang Melaka mengerumun dia, ada yang memutar janggutnya ada yang menepuk kepalanya, ada yang ambil cepiaunya, ada yang memegang tangannya.*” Malah, rasa jengkel orang Melaka terhadap keanehan orang Peringgi ini mencapai kemuncaknya apabila mereka marah dan mahu bertindak ke atas Kapitan rombongan orang Peringgi berkenaan atas perbuatannya yang cuba memakaikan sendiri rantai emas berpermata di leher Bendahara Seri Maharaja. Namun, tindakan mereka itu segera dihalang oleh Bendahara Seri Maharaja dengan alasan mengatakan “...*Jangan kamu turuti, kerana ia (Peringgi) orang yang tiada tahu bahasa.*”

Frasa “*orang yang tiada tahu bahasa*” yang ditujukan terhadap orang Peringgi ini secara tersiratnya menunjukkan betapa

orang Peringgi dikatakan sebagai bangsa yang tidak tahu adab, tidak pandai menghormati peraturan dan adat-resam kaum dan bangsa yang lain. Pemilihan perkataan yang digunakan oleh pengarang memperlihatkan kecenderungan etnosentrisme yang begitu mendalam; manakala respons yang ditunjukkan oleh orang Melaka terhadap perbuatan biadap Peringgi berkenaan secara tersiratnya menunjukkan betapa mengakarnya etnosentrisme yang mereka warisi dari budaya leluhur mereka. Usaha pengarang dalam pengolahan ceritanya tersebut dapatlah dikatakan sejajar dengan pengertian istilah etnosentrisme yang difahami sebagai suatu fenomena yang digunakan manusia sebagai cara “untuk memberi gambaran yang hebat dan berlebih-lebihan dalam adat resam atau kebudayaan sesuatu pihak bahawa adat resam yang mereka miliki adalah sesuatu yang unggul, yang mewujudkan jurang perbezaan yang ketara dengan pihak lain; dan itulah yang akhirnya memberi kekuatan kepada sesuatu adat resam.”

Berbanding dengan frasa seperti “*orang yang tiada tahu bahasa*”, sebenarnya terdapat banyak lagi istilah-istilah yang jauh lebih kasar, bersifat kata nista dan kesat yang digunakan oleh pengarang-pengarang, khususnya dalam karya-karya historiografi, yang ditujukan kepada pihak musuh. Misalnya dalam *Syair Perang Mengkasar*. En. Amin, pengarang syair tersebut yang turut terlibat secara langsung dalam peristiwa peperangan antara Makasar dengan Belanda, kelihatan jelas memihak kepada negerinya, hatta Makasar mengalami kekalahan. Hal ini sangat ketara pada kebenciannya yang terserlah melalui pengakuannya sendiri atau juga melalui penggunaan kata-kata negatif dan nista terhadap Belanda dan sekutunya seperti “*Hatiku panas bukan kepalang*”, ‘*Welanda sjaitan*’, Bugis yang belot “*Seperti andjing beroleh bangkai*”, ‘*Bugis yang dusta*’, “*Jendral Welanda yang mabuk*”, “*Bugis kutuk Welanda jang dusta*”, “*Tunderu orang yang bebal*” dan sebagainya (C.Skinner, 1963).

Hal ini bersesuaian dengan apa yang telah diperkatakan oleh

Sumner (1911 : 13) bahawa etnosentrisme ialah istilah yang merujuk kepada suatu pandangan bahawa kelompok sendiri adalah pusat segalanya sementara yang lain dipatutkan menurut pandangan pusat tersebut, “ ... *technical name for this view of things in which one's own group is the center of everything, and all others are scaled and rated with reference to it...* ”. Seterusnya setiap aspek yang tidak sama atau berbeza dengan pandangan pusat akan dianggap sebagai suatu kelemahan (ibid.). Dalam hal ini, pengarang meletakkan peribumi Melayu Melaka sebagai etnik yang jauh lebih mulia dan beradab daripada orang Portugis.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan yang telah diajukan, dapatlah diperhalusi bahawa sesungguhnya karya-karya pensejarahan Melayu telah digunakan sebagai medium untuk menyatakan semangat etnosentrisme Melayu, walaupun ada sesetengah perkara yang dibincangkan itu seolah-olah bertentangan dengan realiti sejarah. Dalam kajian ini, teks *Sulalatus Salatin* telah dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh pengarang Melayu untuk cuba meletakkan dan mengangkat etnik Melayu Melaka setaraf dengan etnik lain yang hebat dan unggul pada masa tersebut, walaupun pada realitinya mereka maklum terdapatnya kuasa lain yang lebih hebat dan berkuasa. Berbekalkan daya kreativiti yang halus, ketajaman mata pena serta penguasaan bahasa yang tinggi, pengarang Melayu dilihat cuba mengembalikan kewibawaan etnik Melayu melalui peristiwa peperangan. Walaupun secara realitinya mereka tewas dalam peperangan, tetapi kekalahan itu hanya berbentuk luaran sahaja. Hal ini kerana jiwa dan semangat etnosentrisme yang wujud dalam diri mereka tidak pernah ditewaskan; yang seterusnya menjadi tatapan generasi terkemudian dengan harapan mereka tahu dan boleh berbangga dengan keperibadian nenek-moyang mereka.

Selaras dengan maksud penulisan seperti yang selalu diungkapkan dalam mukadimah karangan, tujuan penulisan adalah cenderung sebagai persembahan bagi memenuhi kehendak pemerintah. Hal ini diharap dapat dijadikan panduan dan ingatan kepada generasi akan datang, iaitu sebagai rakaman sejarah hebat nenek moyang mereka berjuang mempertahankan bumi leluhur daripada cengkaman penjajah asing. Itulah semangat etnosentrisme yang diwariskan kepada generasi Melayu yang mendatang, agar mereka dapat berbangga dengan apa yang dilakukan oleh generasi silam, khususnya bagaimana bangsa Melayu bertindakbalas apabila terpaksa berdepan dengan ancaman luar (kolonial Barat) mahu pun kuasa yang sentiasa memberi tekanan terhadap kesejahteraan mereka.

Ternyata, jika ditinjau daripada fungsi atau matlamat penulisan, sama ada yang dibuat secara terang-terangan atau secara tersirat, pengarang mempersepsikan tanggungjawabnya dan juga fungsi karya itu sebagai saluran untuk menaikkan maruah dan juga membakar semangat etnosentrisme dalam jiwa masyarakat Melayu khususnya.

Rujukan

- A. Samad Ahmad (pngr.). 1966. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamka. 1963. *Dari Perbendaharaan Lama*. Medan : Percetakan Madju.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1980. *Syair Sultan Maulana*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Skinner, C. 1963. *Syair Perang Mengkasar (The Rhymed Chronicle of the Macassar War)* by Entjik Amin. VKI (40).
- Smith, Anthony D. Dlm R.Suntharalingam & Abdul Rahman Hj. Ismail. 1985. *Nasionalisme : Satu Tinjauan Sejarah*. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti
- Sumner, William Graham. 1911. *Folkways : A Study of The Sociological Importance of Usages, Manners, Customs, Mores, and Morals*. Boston : Ginn & Company Publishers.